

1. Jali _____ sambil menonton televisyen sementara menunggu ibu dan ayahnya pulang dari pejabat.

☐ A muntah-muntah
☐ B baring-bering
☐ C jalan-jalan
☐ D ada-ada

2. Pihak SPR telah menambah baik sistem mereka untuk mengelakkan _____ semasa pilihan raya yang bakal diadakan tidak lama lagi.

☐ A calon-calon bebas
☐ B kerusi-kerusi parlimen
☐ C pengundi-pengundi hantu
☐ D penyokong-penyokong parti

3. Puan Ratna bertanya kepada Halim _____ dia ada ternampak akan anaknya, Raju yang tidak kelihatan sejak tengah hari tadi.

☐ A tidak-tidak
☐ B kalau-kalau
☐ C paling-paling
☐ D jangan-jangan

4. Kerajaan menggesa rakyat supaya menghentikan _____ yang dapat membantutkan kemajuan negara.

☐ A pertikaian-pertikaian
☐ B perebutan-perebutan
☐ C pertarungan-pertarungan
☐ D pembalasan-pembalasan

5. Encik Gimam mencatat _____ bagi semua e-mel yang dimilikinya pada buku catatan supaya dia tidak lupa.

☐ A kod-kod bar
☐ B kata-kata laluan
☐ C nota-nota ringkas
☐ D nombor-nombor PIN

6. _____ yang terdapat pada bendera kebangsaan kita mewakili empat belas negeri di Malaysia.

☐ A Titik-titik
☐ B Jalur-jalur
☐ C Garis-garis
☐ D Belang-belang

7. Pekerja zoo itu membersihkan _____ haiwan di dalam kandang supaya kebersihan kandang sentiasa terjamin.

☐ A bulu-bulu
☐ B najis-najis
☐ C taring-taring
☐ D tanduk-tanduk

8. Peniaga yang tidak memiliki lesen perniagaan akan dikenakan tindakan _____ oleh pihak berkuasa.



- ☐ A ura-ura
- ☐ B baik-baik
- ☐ C undang-undang
- ☐ D sumpah-sumpah

9. _____ pada dinding ruang tamu itu telah menjejaskan keseluruhan konsep kediaman tersebut.

- ☐ A Liang-liang
- ☐ B Lopak-lopak
- ☐ C Lubang-lubang
- ☐ D Rongga-rongga

10. Ibu menyuruh saya menutup balang yang berisikan kuih tat nanas itu _____.

- ☐ A erat-erat
- ☐ B ketat-ketat
- ☐ C cepat-cepat
- ☐ D sungguh-sungguh

11. Pereka hiasan dalaman itu menggabungkan _____ rekaannya yang sebelum ini untuk menghasilkan satu konsep baharu.

- ☐ A teori-teori
- ☐ B daya-daya
- ☐ C ilham-ilham
- ☐ D rangka-rangka

12. Jamali menanyakan maksud _____ yang terdapat pada Jata Negara kepada gurunya.

- ☐ A imej-imej
- ☐ B corak-corak
- ☐ C simbol-simbol
- ☐ D lambang-lambang

13. Kakak memeluk ibu _____ sebelum ibu memasuki balai pelepasan untuk menunaikan fardu haji di Mekah.

- ☐ A erat-erat
- ☐ B baik-baik
- ☐ C elok-elok
- ☐ D padat-padat

14. Mak Cik Dahlia sedang menggoreng _____ untuk tetamunya yang sedang berbual-bual di ruang tamu.

- ☐ A agar-agar
- ☐ B obor-obor
- ☐ C dekak-dekak
- ☐ D jemput-jemput

15. "_____ hendaklah datang awal ke sekolah serta mematuhi disiplin yang telah ditetapkan," kata Cikgu Wardah.

- ☐ A Guru-guru
- ☐ B Murid-murid
- ☐ C Kawan-kawan
- ☐ D Pekerja-pekerja

16. Danial berjalan _____ apabila melintasi tanah perkuburan itu pada waktu senja kerana dia berasa takut akan kawasan persekitarannya.

- ☐ A lama-lama
- ☐ B cepat-cepat
- ☐ C alang-alang
- ☐ D kemas-kemas

17. Suzilawati menghidangkan makanan tradisional, _____ ketika kami berkunjung ke rumahnya di Surabaya minggu lalu.

- ☐ A kacang-kacang
- ☐ B gado-gado
- ☐ C beri-beri
- ☐ D biri-biri

18. Setiap pagi, Karmila menghantar kek-keknya ke _____ yang berhampiran dengan kampungnya untuk dijual.

- ☐ A balai-balai raya
- ☐ B kedai-kedai runcit
- ☐ C pasar-pasar malam
- ☐ D pusat-pusat serenti

19. Yazlan melayari Internet untuk mendapatkan maklumat tentang _____ negara Eropah lalu membandingkannya dengan Ringgit Malaysia.

- ☐ A duit-duit saku
- ☐ B duit-duit muka
- ☐ C mata-mata wang
- ☐ D mata-mata duitan

20. _____ Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh menggunakan wang simpanan mereka untuk membeli rumah.

- ☐ A Pemodal-pemodal
- ☐ B Pembiaya-pembiaya
- ☐ C Peminjam-peminjam
- ☐ D Pencarum-pencarum